

'Bukan tak serik kena sita, tapi kami tiada pilihan'

Walaupun hampir setiap hari dikejar penguat kuasa namun penjaja rambo terpaksa terus berniaga demi kelangsungan hidup

KUALA LUMPUR

Walaupun sedar meniaga secara haram dan tidak berlesen atau dipanggil penjaja rambo adalah satu kesalahan, namun rata-rata peniaga yang ditemui memberitahu mereka tiada pilihan kerana perlu mencari nafkah demi kelangsungan hidup.

Tinjauan *Sinar Harian* di sekitar siar kaki Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) baru-baru ini mendapati peniaga di sini terpaksa menjalankan perniagaan walaupun barangan telah berkali-kali disita kerana itu adalah sumber pendapatan mereka.

Peniaga, Hairi Barhan, 40, berkata, dia terpaksa berhenti kerja dalam sektor perhotelan dan berniaga secara rambo sejak 10 tahun lalu kerana perlu menguruskan isteri yang sakit.

"Saya berniaga di sini dalam ketakutan demi mencari pelanggan. Mata saya juga akan melilau memastikan peka dengan kehadiran penguat kuasa bagi mengelak barang disita.

"Saya tidak boleh kerja tetap kerana perlu uruskan isteri sakit, jadi kena buat kerja yang fleksibel dan saya membuat keputusan untuk menjaja aiskrim," jelasnya kepada *Sinar Harian*.

Kata Hairi, sepanjang 10 tahun berniaga, dia merasai pengalaman enam kali jualan disita namun masih meneruskan perniagaan kerana itu merupakan punca



Penjaja rambo terpaksa meninggalkan lokasi berniaga sebaik menyedari kehadiran penguat kuasa yang membuat rondaan di sekitar Jalan TAR ketika tinjauan baru-baru ini.

LAPORAN KHAS

rezekinya untuk menyara keluarga.

"Saya nak mohon permit tapi tiada permit

menjaja bergerak seperti ini. Takkan saya nak sewa kedai hanya untuk jual aiskrim sahaja, tak pulang modal.

"Kalau DBKL sediakan permit khas untuk peniaga kecil seperti ini, kami akan mohon.

"Tak perlu kami lari setiap kali nampak penguat kuasa datang. Kami pun nak berniaga dengan tenang," ujarnya.

Seorang lagi peniaga, Anita Lajis, 46, pula berkata, aktiviti menjaja itu adalah punca rezeki buatnya untuk keluar daripada hidup gelandangan.

"Tujuh ke lapan tahun lalu saya hidup gelandangan, tidak mampu menyewa rumah disebabkan hidup susah. Bermodalkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), saya gunakan duit itu sebagai modal niaga bagi menyara anak seramai 13 orang.

"Gaji suami yang ketika itu baru di-

INFO

- Penjajaan secara 'rambo' merupakan istilah yang digunakan untuk menggantikan penjajaan haram atau lebih tepat lagi perniagaan tanpa kelulusan lesen.
- Ia dilakukan di antara ruang atau di lokasi yang terdapat aktiviti penjajaan yang berlesen sama ada di atas siar kaki, hadapan premis, petak parkir atau di atas jalan.
- Jualan terdiri barangan kering, makanan serta minuman.

terima sebagai pengawal keselamatan dan ditambah dengan pendapatan niaga, dapatlah kami menyewa rumah dan tidak lagi jadi gelandangan.

"Saya tidak salahkan penguat kuasa, mereka hanya menjalankan tugas namun saya juga tiada pilihan terpaksa juga menjaja untuk meneruskan hidup," jelasnya.

Sementara itu, anak Anita yang turut menjaja di situ, Intan Nur Hidayah Zakuan,

REAKSI

“

Beri peluang kepada penjaja mencari duit lebih dengan membenarkan mereka berniaga pada waktu cuti sekolah dan hujung minggu. Pada saya, aktiviti menjaja tersebut tidak salah asalkan tidak mengganggu orang awam, dijalankan dalam keadaan terkawal dan tidak disalah guna pihak tertentu untuk mengaut keuntungan. Jangan ganggu orang tempatan cari rezeki dan lebih baik fokus kepada banteras peniaga warga asing."

- Juruteknik, Haiza Razali, 25

“

Harap DBKL dapat memberi kelonggaran kepada penjaja untuk berniaga secara sah. Saya pasti ada segelintir peniaga mahu mohon permit namun prosesnya susah dan melibatkan kos yang tinggi menyebabkan mereka terpaksa berniaga secara haram. Pada saya tidak salah beri ruang dan peluang kerana rakyat sekarang juga sedang susah disebabkan kos sara hidup yang tinggi. Cuma perlu ada kawalan supaya tidak mencacatkan pandangan ibu kota namun setakat ini saya lihat keadaannya terkawal."

- Pekerja kurier, Amirul Jamal, 30

24, berkongsi pengalaman akan berentiaran lari sebaik kelibat penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) datang membuat rondaan.

"Saya pernah kerja pengawal keselamatan sekejap namun diberhentikan selepas 'kanto' saya OKU dan menggunakan kaki palsu. Majikan tidak mahu mengambil risiko.

"Disebabkan itu, saya terpaksa berniaga rambo sejak empat tahun lalu. Jika nampak penguat kuasa saya akan lari, kalau soal barang disita sudah banyak kali tak terhitung jumlahnya.

"Cuma saya mohon budi bicara DBKL, jika boleh bagi kami permit menjaja. Kami akan ikut peraturan ditetapkan cuma berikan sedikit ruang kami mencari rezeki," ujarnya.

DBKL sedang kenal pasti kawasan bagi aktiviti penjaja rambo

KUALA LUMPUR - DBKL mengadakan kawalan ke atas aktiviti penjaja rambo susulan kegiatan itu sering menimbulkan kacau ganggu dan halangan kepada pejalan kaki serta lalu lintas.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, DBKL mengenal pasti lima lokasi yang menjadi tumpuan aktiviti berkenaan meliputi sekitar Jalan TAR, Jalan Ampang (KLCC), Dataran Merdeka, Jalan Bukit Bintang dan siar kaki ste-

sen LRT.

Menurutnya, tindakan yang diambil oleh DBKL ketika ini adalah dengan memberikan amaran kepada mereka untuk memberhentikan aktiviti penjajaan selain mengeluarkan kompaun serta sitaan.

"Tindakan susulan DBKL adalah mengawal aktiviti penjajaan agar tidak menimbulkan kacau ganggu.

"Aktiviti rambo atau penjaja haram ini lebih kepada perniagaan barangan kering, makanan serta minuman," katanya bagi mengulas

mengenai isu penjaja rambo di pusat bandar.

Beliau berkata, DBKL sedang mengenal pasti beberapa kawasan bagi membolehkan aktiviti penjajaan ini dibenarkan bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Beberapa syarat juga telah ditetapkan antaranya permit diberikan hanya kepada orang tempatan dan tidak dibenarkan kepada bunderan warganegara, tidak boleh mendirikan sebarang struktur serta larangan meninggalkan barang

penjajaan.

"Penjaja perlu mengosongkan tapak setelah tamat menjaja dan hanya dibenarkan beroperasi dalam masa tertentu mengikut tempoh masa ditetapkan," ujar beliau.

Selain itu katanya, DBKL juga sedang menyediakan beberapa lokasi *hotspot* dan *pit stop* untuk aktiviti perniagaan jualan makanan, minuman dan alat permainan kanak-kanak.



MAHADI

ISU PENJAJA RAMBO

Jangan hanya sita, perlu kreatif selesai isu penjaja rambo

(SINAR, 2 JANUARI 2023)

KUALA LUMPUR - Jangan hanya sita sebaliknya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu kreatif dalam menyelesaikan isu penjaja tidak berlesen di ibu kota.

Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, penjaja akan terus menjalankan perniagaan walaupun barangan telah berkali-kali disita kerana itu adalah sumber pendapatan mereka.

Menurutnya, penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah penjaja rambo adalah dengan menyediakan lot untuk berniaga kepada mereka.

“DBKL perlu ada kawalan dengan

sediakan lot itu agar mereka duduk setempat dan tidak perlu menolak troli.

“Cari ruang yang sesuai dan jangan halang laluan orang, namun jangan tempatkan mereka di kawasan yang tiada pengunjung pula.

“Berikan mereka meniaga mengikut tempoh masa yang ditetapkan,” katanya bagi mengulas isu penjaja rambo di ibu kota.

Mengenai isu halangan, Rosli berkata, lot yang disediakan tidak semestinya membabitkan keluasan yang besar sebaliknya bersesuaian dengan konsep



ROS LI

penjaja tolak troli yang dimaksudkan.

“Konsepnya seperti petak pasar malam, saiz kecil bukan seperti kedai dan barang tidak boleh tinggal di situ. Selepas niaga perlu bersihkan kawasan.

“Jika ada isu sebabkan halangan, hadkan jumlah penjaja di sesuatu tempat, tidak semestinya hanya di Jalan Tuanku Abdul Rahman

(TAR), sebaliknya pecahkan ke beberapa lokasi termasuk hadapan Sogo, sekitar Hotel Kowloon, Coliseum yang menjadi tempat laluan orang,” jelasnya.

Beliau berkata, penjaja rambo dan persatuan penjaja perlu dipanggil bagi memberi idea mengenai penyelesaian tersebut.

“Kebanyakan penjaja berkenaan tidak berniaga setiap hari sebaliknya mencari peluang menambah pendapatan pada musim cuti hujung minggu, cuti sekolah atau apabila diadakan program-program tertentu.

“Tawarkan borang kepada mereka yang telah dibanci untuk mengisi lot disediakan.

“Orang luar tidak dibenarkan berniaga kerana matlamat kita adalah mahu menyelesaikan isu penjaja di kawasan tersebut,” jelas beliau.